

# 'Pembangkang tak ditindas biarpun berbeza fahaman politik'

PM harap tiada lagi penyebaran cacian untuk memburukkan kerajaan

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Latifah Arifin  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kerajaan tidak sesekali menjadikan perbezaan politik untuk menindas pemimpin pembangkang, malah ia dibuktikan dengan membawa wakil pembangkang dalam lawatan kerja dengan kerajaan luar.

Perdana Menteri berkata, perkara itu bagaimanapun tidak pernah dilakukan ketika pembangkang menjadi kerajaan sebelum ini.

"Saya marah (kepada pembangkang) pun, saya ikut peraturan. Saya pergi ke Kedah (kelmarin) untuk berunding berkaitan hal sempadan, Sadao dengan Bukit Kayu Hitam, memang tidak diundang Menteri Besar Kedah (Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor) dan Menteri Besar Perlis (Mohd Shukri Ramli). Namun, saya putuskan untuk undang.

"Perdana Menteri Thailand, Srettha Thavisin tidak mengundang mereka untuk makan tengah hari di Sadao, saya yang beri nota kepada PM (Thailand) oleh kerana mereka ikut rombongan supaya ikut sama dalam jawatankuasa itu," katanya ketika menjawab soalan tambahan pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat, semalam.

## Bawa wakil pembangkang

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, sepatutnya pihak pembangkang mempunyai semangat yang sama dan tidak terus menyebarkan cacian bertujuan memburukkan kerajaan.

"Seperti semalam (kelmarin) dalam rundingan dengan Perdana Menteri Thailand jarang kita bawa pembangkang.

"Semasa Kota Bharu (Datuk Seri Takiyuddin Hassan) jadi menteri dalam mesyuarat dengan kerajaan luar, tak pernah wakil pembangkang dibawa bersama, saya bawa wakil (pembangkang).

"Saya tahu had saya, saya boleh berbeza dari segi politik, tetapi tetap mengiktiraf kedudukan mereka (pembangkang) dan memang mengiktiraf mereka sebagai Menteri Besar Kedah dan Perlis.

"Jadi ada hadnya, jangan hina lebih daripada itu, malah saya berharap semangat sebegini

yang ditunjukkan (pembangkang)," katanya.

Anwar yang juga Ahli Parlimen Tambun juga mengulangi kerajaan pimpinannya tidak pernah menghalang peruntukan disalurkan kepada ahli Parlimen pembangkang dan meletakkan syarat ketat, termasuk wajib menyokong kepeimpinannya.

Beliau berkata, penjelasan itu perlu dibuat memandangkan pemimpin pembangkang mendakwa syarat untuk memperoleh peruntukan adalah memberi sokongan sepenuhnya kepada beliau.

Anwar berkata, beliau mahu peraturan dihormati iaitu ahli Parlimen pembangkang perlu melakukan rundingan bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof terlebih dahulu berhubung peruntukan pembangunan kawasan seperti kelaziman yang diamalkan dalam sistem demokrasi.

"Ada beberapa peraturan (runding soal peruntukan dengan kerajaan) yang dilakukan dalam mesyuarat yang lalu (ketika Pakatan Harapan menjadi pembangkang).

"Saya kadang-kadang aneh, wakil (kerajaan terdahulu) yang berunding dulu kini di sebelah sana (pembangkang)... dia tahu prosesnya berapa kali berunding, tapi sekarang macam tak tahu langsung," katanya.